

Rumah PPR RM35,000 seunit

Oleh FAUZI JAAFAR dan HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 1 Jun - Kerajaan bersetuju menjual 15,007 unit rumah di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada harga RM35,000 seunit kepada warga kota yang layak, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, ia diputuskan pada mesyuarat Kabinet Rabu lalu selaras dengan usaha kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik yang selesa kepada warga kota.

Menurut beliau, sehingga kini kerajaan meluluskan 24 projek PPR yang merangkumi 32,762 unit PPR di ibu negara.

"Kerajaan Barisan Nasional sentiasa ambil berat kebajikan rakyat termasuk rakyat di kawasan bandar dengan menawarkan rumah pada harga berpatutan," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya di hadapan kira-kira 5,000 penduduk PPR Intan Baiduri di Kepong Utara di sini sempena lawatan kerja sehari beliau ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hari ini.

Abdullah menjelaskan, kerajaan sentiasa

berusaha memberi keselesaan kepada warga kota apabila menyediakan kediaman luas dengan harga murah.

"Ini tindakan yang kita tunjuk, kita terus bina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah... ini bukti kita kerja untuk rakyat," katanya.

Beliau berkata, sehingga Mei tahun ini, sebanyak 19,914 unit PPR siap dibina dan diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum disewakan kepada mereka yang layak dengan kadar RM124 sebulan.

Sebanyak 12,848 unit lagi dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

PPR mula dimajukan pada 1998 selepas kerajaan meletakkan tanggungjawab kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina rumah bagi membela nasib rakyat kurang berkemampuan.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdullah berkata, kerajaan juga meluluskan peruntukan RM28 juta bagi tujuan penyelenggaraan PPR, RM7 juta untuk pembersihan dan RM6.5 juta untuk penyelenggaraan lif di bandar raya ini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan

Um - 2/6/2007

Kerajaan sentiasa berusaha memberi keselesaan kepada warga kota apabila menyediakan kediaman luas dengan harga murah

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

penghuni PPR supaya bertanggungjawab terhadap unit rumah yang mereka sewa dan duduki dengan memastikan rumah dijaga dengan baik dan sering mengutamakan kebersihan kawasan sekitar.

Beliau turut menegur sikap sebilangan penghuni PPR yang tidak bertanggungjawab dan melakukan vandalisme terhadap kemudahan awam yang disediakan seperti menconteng dan menendang lif sehingga rosak, menyebabkan kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan khas bagi penyelenggaraan lif.

"Apa pasal teruk sangat (vandalisme) ni, saya tidak faham. Kerajaan buat rumah murah, bagi penyelenggaraan lagi, ini buruk perangai. Apabila orang datang, dia kata inilah perangai orang Kuala Lumpur," ujarnya.

Sehubungan itu beliau menggesa penduduk warga kota mengamalkan kerjasama dan bermuafakat dalam menangani van-

dalisme tanpa menunggu DBKL sematamata.

Perdana Menteri juga mahu semua penghuni PPR mengekalkan sikap toleransi dan tidak menimbulkan rasa kurang senang antara kaum.

Turut ditekankan beliau ialah sikap muafakat dengan mendengar segala pendapat semua kaum sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Pada majlis tersebut Perdana Menteri turut menyempurnakan upacara pecah tanah tapak surau dan pusat komuniti di PPR Intan Baiduri sebelum melawat PPR itu serta menyampaikan bantuan komputer kepada enam PPR di sekitar Kuala Lumpur.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.